

TEMPAT LETAK KERETA MESRA PENGGUNA

Tidak lama kemudian, Zara ternampak lampu berwarna hijau yang menunjukkan ruangan letak kereta yang masih kosong. Zara berasa sungguh gembira dengan kemudahan lampu tersebut kerana dapat melihatnya walaupun daripada jauh. Cara ini dapat memudahkan pengguna untuk mencari tempat letak kereta dengan cepat.

Kemudian, Zara melihat ada banyak lampu di bahagian atas tempat letak kereta. Lampu lampu itu ada dua warna. Menurut ayah Zara, lampu yang berwarna merah menunjukkan sudah ada kereta di situ manakala lampu yang berwarna hijau menandakan tiada kereta di petak itu.

Sebaik sahaja tiba di luar bangunan pasar raya tersebut, Zara melihat papan tanda elektronik di situ yang menunjukkan bilangan ruang letak kereta yang kosong. Masih banyak ruang yang kosong. Lalu, ayah Zara memandu masuk ke dalam kawasan letak kereta.

Apabila Zara keluar daripada kereta, dia melihat lampu itu sudah bertukar kepada warna merah. Zara berasa kagum dengan teknologi itu. Setelah mengunci kereta, Zara sekeluarga pun masuk ke pasar raya untuk membeli - belah.

Pada suatu hari, Zara menonton kembali rakaman video yang dirakam semasa berkunjung ke sebuah pasar raya.

